



SUDAHKAH SAUDARA SEMBAHYANG SEPERTI YANG DIAJARKAN OLEH  
RASULULLAH?

Di dalam kitab “Ibadat Rasulullah” yang baharu diterbitkan oleh “Qalam” mengandungi hampir-hampir 250 muka, dijual dengan harga \$3.00, dicetak di atas kertas yang baik, membawa pengajaran-pengajaran sembahyang yang ditunjukkan oleh Rasulullah (SAW), disusun oleh Al Ustaz Abu Bakar al-Asha‘ari. Kitab ini sangat mustahak disimpan oleh tiap-tiap orang-orang Islam. Bacalah sebahagian daripada penutupnya tentang bagaimana sembahyang itu diwajibkan seperti di bawah ini:

SEMAHYANG LIMA KALI SEHARI SEMALAM  
DIFARDUKAN PADA MALAM MI‘RAJ

Tidak tersembunyi rasanya lagi, bahawa sembahyang lima kali sehari semalam itu, termasuk pada hari Jumaat (sembahyang Jumaat) difardukan di Mekah, pada malam Nabi Muḥammad ber-Isra’ (berjalan malam), dan ber-Mi‘raj (naik ke alam tinggi) iaitu suatu peristiwa yang menggemparkan penduduk Mekah yang terjadi sebelum Nabi Muḥammad berhijrah ke Madinah. Kira-kira setahun sebelum Hijrah, segala fardu dan ibadat yang lain dari sembahyang, diperintahkan Allah kepada Jibril membawa perintah-perintah itu kepada nabi. Hanya sembahyang sendirilah yang diperintahkan Jibril oleh Allah menjemput nabi di Mekah, lalu membawanya berjalan malam dari Mekah (dari Masjidil Haram) ke Baitul Maqdis (Masjid al-Aqsa) dan terus membawa Mi‘raj naik ke alam tinggi, untuk nabi menerima sendiri dengan langsung perintah kefardhuan sembahyang.

Ingatlah sembahyang itu tiang agama, ‘*Imād al-Dīn*’ atau ‘*Amūd al-Dīn*’, seperti sabda Rasulullah (SAW) “*Wa ‘amūduhu*

*al-ṣalāt*” - dan tiangnya ialah sembahyang.

Sembahyang itu tiang agama, barang siapa mendirikan sembahyang, itulah orang dihukum mendirikan agama, sebaliknya barang siapa meninggalkannya (merubah tiang agama ini) bererti merubahkan agama.

Tegasnya tidak asyik kala barang sedikit juga lagi, bahawa sembahyang itu tiang Islam. Apabila tiang sesuatu perumahan roboh nescaya patah dan hancur dengan sendirinya. Seluruh rangka perumahan itu, dan hancur berhamburan ke tanah.

Dalam hadis yang lain, nabi tegaskan bahawa, sembahyang itu pembuka pintu syurga dan bahawa sembahyang itu batasan yang menentukan garis lintang antara iman dengan kufur, antara kaum yang dihukum mukmin dengan kaum yang tidak dipandang beriman.

Lebih tegas sembahyang itu tali perhubungan yang memperhubungkan seorang hamba dengan Allah Tuhan semesta alam. Apabila seorang hamba tegak ditempat sembahyangnya bersembahyang, berertilah ia tegak berdiri di hadapan

Tuhannya untuk membaca ayat-ayat al-Quran dan memerhatikan serta memahami maksud dikandungnya, dan berarti pula ia memperlihatkan kerendahannya dan kelemahannya terhadap Allah, kerana di dalamnya tersimpan cara-cara membesarkan Ilahi, dengan segenap anggota tubuh, diikuti oleh ucapan lidah, oleh perbuatan tangan dan kaki, oleh tunduk kepala dan seluruh panca indera - semuanya bekerja bersama-sama menghadapkan persembahan kepada Zat Yang Maha Besar iaitu; **Allahu Akbar** kita ucapkan dimulai sembahyang, artinya: segala pekerjaan, segala pergerakan, untung dan rugi, naik dan jatuh, kaya dan miskin, kekuasaan atau kehinaan, kelemahan atau kebesaran, semuanya itu barang sekecilnya, di hadapan kebesaran keagungan Allah, kita berdiri di hadapan Allah dengan hati tunduk. Kita mengucapkan puji dan syukur atas nikmat berganda-ganda yang telah dianugerahkan-Nya, lidah tak berhenti memuji dan membesarkan-Nya; kita berdoa, bertasbih dan bertakbir kita ucapkan dengan kata-kata sakti dan sanjungan tinggi sebagai ikrar dan pengakuan kita kepadanya, misalnya: Segala puji bagi Allah, kepada Engkau yang kami sembah, dan kepada Engkaulah kami pinta pertolongan, kepada Engkau aku hadapkan mukaku. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku kerana Allah yang memelihara sekalian alam dan lainnya.

Kita bermunajat kepada-Nya dengan khusyuk dan insaf bahawa kita hanya seorang yang hina dina, kita bersujud ke bumi dengan menghampirkan ke tanah dahi dan kening kita iaitu bahagian tubuh yang semulia-mulianya dalam pergaulan kita setiap hari. Kita hampirkan supaya nyata bahawa kita ini hanya seorang yang hina - demikianlah seterusnya sampai sembahyang selesai dengan ucapan Assalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh.

Tegasnya bagi orang yang beriman bahawa sembahyang

itu tidaklah perkara yang memberat dan menyusahkan, tetapi sebenarnya ialah istirehatan, hiburan dan penglipur hatinya. Nabi Muhammad (SAW) di kala waktu sembahyang telah masuk, kerap kali beliau bersabda kepada sahabatnya Bilal sambil menyuruh bang: “*Arḥunā yā Bilāl*” hiburilah kita dengan dia (yakni sembahyang) ya Bilal.

Dapatlah kita memikirkan dengan secara sederhana bagaimana pengaruh sembahyang lima kali sehari semalam bagi istirehat dan hiburan jiwa.

Tegasnya, apabila seorang hamba bersembahyang, berertilah ia memperlihatkan kehambaannya dan keabadiannya, dengan jalan yang demikian ini, timbullah rasa takut dan rasa harap kepada Tuhannya. Apabila perasaan ini telah berurat berakar di lubuk jiwanya, cergas dan majulah ia terus menerus bergerak, berjuang, berkorban dan menegakkan segala rupa kebajikan dan hancur mundurlah ia dengan serta merta dari segala perbuatan keji dan mungkar - inilah dia sembahyang.

Kerana inilah sembahyang itu diperintah dan diwajibkan seorang hamba, wajib mengakui kehambaannya, maka sembahyang itu adalah tanda mengakui kehambaan diri dan tanda mengakui bahawa dia itu ada bertuhan ialah Allah yang disembah, disanjung, dipuji dan diimani . . . . Bohonglah hamba, kalau ia mengaku dengan lisannya (lidahnya) bahawa ia hamba, dan bahawa Allah yang ma'bud pujaannya yang berhak disembah olehnya, tetapi hamba itu enggan bersembahyang, enggan meletakkan dahinya ke tempat sujud untuk menyatakan kebenaran pengakuannya itu.

Ringkasnya seorang hamba yang tidak bersembahyang, berarti memutuskan perhubungannya dengan Allah, yang berarti tidak memperdulikan kebesaran Allah dan kemuliaan-Nya.

Oleh itulah bahawa undang-undang agama telah pun menciptakan kuat kuasa atau kekuasaan yang menjaga

dan memeliharanya. Islam memberi tugas dan memberatkan di atas pemimpin-pemimpin, bukan terhadap kepada alim ulama sahaja, bahkan ketua-ketua, pemimpin hendaklah mengerti dan memahami saluran-saluran Islam dari kitab Allah dan Sunnah rasul, dan tegakkanlah hukum sembahyang dengan sebaik-baiknya dan secermat-cermatnya.

Di kala “Umar ibn Khaṭṭāb mengendalikan pemerintahan Islam, beliau memerhatikan soal sembahyang di kalangan umat dan rakyat, beliau mengamanahkan dan memperingatkan kepada segala pesuruhjayanya yang mewakilinya di luar negeri, supaya berusaha benar menegakkan tiang ibadat ini di dalam masyarakat umum.

Di dalam pengisytiharannya yang dikirimkan oleh Khalifah “Umar kepada pesuruhjaya-pesuruhjayanya ada tersebut perkataan yang kami nukilkan dari Taysīr al-Wūṣul, sebagai di bawah ini:

“Wahai segala wali negeri (pesuruhjaya) ketahuilah! suatu tugas yang penting kamu pasti jalankan, dalam pandanganku, ialah: urusan sembahyang”. Hal itu adalah kerana orang yang memelihara sembahyang, itulah orang tetap teguh memelihara agama, dan apabila seseorang telah mensia-siakan sembahyang, tentulah yang lain dari sembahyang, lebih-lebih lagi ia sia-siakan. Tegasnya tali yang kukuh yang mengikatkan dirinya dengan agama telah rapuh, tentu mudah benar putusny, takda kebaikan dan keuntungan apa-apa pun dari agama untuk orang yang meninggalkan sembahyang.

Mengingat perisytiharan “Umar ini dan amanahnya kepada sekalian pembesar negeri, nyatalah ada antara tugas pemerintahan dalam Islam, terutama negeri yang diisytiharkan Islam sebagai agama rasminya, ialah menjaga dan

membela syiar-syiar agama yang di antaranya ialah menjaga kebesaran sembahyang, menjaga jangan sembahyang itu disia-sia dan diabaikan oleh umat.

Mengapakah sembahyang yang sedemikian kedudukannya, pada masa akhir-akhir ini, dialpa dan disia-siakan umat?

Sebabnya, kerana masyarakat tidak merasai kelazatan sembahyang, dan tidak melihat kesan bekasnya di dalam masyarakat umum. Hal ini disebabkan oleh kerana kebanyakan sembahyang yang dikerjakan rakyat, kosong dari jiwa yang menghidupkan roh solat di dalam tubuh atau rangka sembahyang.

Tegasnya keislaman mereka hanya nampak pada khatan mengkhatankan, pada bernikah kahwin, baca doa selamat, berkhatam Quran, kenduri hadiah bagi si mati, bertalkin selepas mati, membuat fidyah sembahyang dan puasa selepas mati, merayakan hari-hari yang dirayakan oleh umat Islam, seperti membesar-besarkan hari Maulud Nabi, hari Isra’ dan Mi’raj 27 Rejab, hari Nuzul al-Quran 17 Ramadhan, dan hari-hari raya yang lain-lain.

Orang-orang Islam, umat Islam, pembesar-pembesar Islam, wakil-wakil rakyat yang beragama Islam, wajib mengetahui ideologi agama mereka. Sebelum mereka menyebarkan Islam kepada orang-orang lain, mereka wajib mengerti ajaran dan doktrin Islam. Kalau tidak, adalah sama tarafnya dengan orang-orang yang bukan Islam bahkan akibatnya. Seteru yang akalny waras adalah lebih membina daripada sahabat yang tolol.

Oleh itu beramal dan laksanakanlah hukum-hukum Allah baikpun dalam segi iktikad dan ibadat mahupun dalam membantu hidup bermasyarakat yang luas. Tegasnya kerjakanlah sembahyang beraneka rupa sebagaimana yang difardukan Allah: “*Wa’aqimu al-Ṣalāt li dhikrī*”.